



Pembangunan infrastruktur di Kampung Baru akan ditambah baik menerusi peruntukan dalam Belanjawan 2021. (Foto Effendy Rashid/BH)

# Lebih RM1j naik taraf infrastruktur Kampung Baru

Projek tumpu pembangunan penambahbaikan saliran pembetungan

**Kuala Lumpur:** Program Pembangunan Semula Kampung Baru akan diteruskan, dengan peruntukan awal RM1,000,100 digunakan bagi menyediakan dan menaik taraf infrastruktur di kawasan berkenaan, termasuk pembinaan padang dan pusat rekreasi di Kampung Pindah di sini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, berkata di bawah Peruntukan Pembangunan 2021 pula, lebih RM418.9 juta akan digunakan bagi meneruskan projek Sungai Nadi Kehidupan atau *River of Life* (RoL), *sewerage non-river* dan baik pulih sungai.

Beliau berkata projek pembangunan itu memberi tumpuan kepada penambahbaikan saliran pembetungan sungai di Kuala Lumpur khusus bagi meningkatkan mutu kualiti air kepada kelas kedua, serta pelaksanaan kerja-kerja pengindahan tebing sungai.

"Pembangunan kawasan tebing sungai akan dapat memberi peningkatan kepada nilai hartanah di kawasan itu termasuk mewujudkan peluang perniagaan

BELANJAWAN

2021



an kepada rakyat seperti pembinaan kiosk dan kafe di tepi Sungai Klang dan Sungai Gombak," katanya dalam satu kenyataan semalam, yang khusus merujuk kepada Belanjawan 2021 yang dibentangkan di Dewan Rakyat Jumaat lepas.

"Kementerian amat berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memberikan peruntukan lebih RM956.8 juta pada 2021. Ini sekali gus memperlihatkan komitmen tinggi Kerajaan Persekutuan untuk terus menyediakan infrastruktur berkualiti dan menyeluruh kepada rakyat dengan mengambil kira cabaran semasa dan keperluan masa depan," tambahnya.

Annuar berkata lebih RM38.2 juta diperuntukkan untuk perbelanjaan operasi penyelenggaraan projek RoL bagi

kerja-kerja pengindahan dan pembersihan sungai, operasi Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu serta Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata peruntukan daripada belanjawan itu juga akan digunakan untuk projek pembangunan dan kerja membaiki pulih jalan dan jambatan di Kuala Lumpur, serta projek kemudahan awam di Putrajaya dan Labuan antaranya tempat letak kereta dan lampu jalan.

Selain pembangunan, katanya lebih RM148.9 juta akan digunakan untuk program kemasyarakatan termasuk aspek motivasi, pendidikan, kesedaran pencegahan COVID-19 dan denggi, gaya hidup sihat, gotong-royong serta pemberian bantuan kebajikan rakyat miskin di ketiga-tiga wilayah. **BERNAMA**



Annuar Musa